

Headline	Blog medium dekati pelajar		
MediaTitle	Sinar Harian (Pahang)		
Date	16 Oct 2011	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	60,000
Page No	p7	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	672 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,696
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,088



Blog medium dekati pelajar

Guru wujudkan blog sebagai alternatif curah ilmu kepada anak didik

**TUAN NUR SUHAILA RAJA
MUHAMMAD**

Semangat kentalnya untuk menabur bakti sebagai seorang pendidik tidak pernah luntur meskipun hampir setahun terpaksa mengambil cuti ekoran kecederaan akibat kemalangan yang membuatkan dia terpaksa menggunakan kerusi roda untuk tempoh tersebut.

Guru Kaunseling dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Jengka Pusat 2, Bandar Jengka, Pahang, Asma' Ahmad menceritakan bagaimana dia mula menjadikan blog sebagai salah satu medium mendekati pelajar. Ikuti wawancara wartawan *Sinar Harian* bersama beliau.

Bagaimanakah cikgu mula menjadikan blog sebagai medium pendidikan?

ASMA' : Ketika keadaan diri membataskan saya untuk

berkhidmat sebagai guru ekoran kecederaan sehingga terpaksa berkerusi roda, suami mendorong saya mewujudkan blog sebagai alternatif untuk terus mendekati pelajar dan saya melihat blog mampu menjadi salah satu medium pendidikan yang berkesan kepada pelajar.

Dunia pendidikan di negara kita semakin berkembang, begitu juga dengan pendidikan secara maya.

Kewujudan dan

penggunaan jaringan media sosial dan web blog yang semakin bercambah di Internet, menyemarakkan lagi penggunaan ICT dalam kalangan rakyat.

Kini, medium blog semakin luas penggunaannya. Blog juga

Headline	Blog medium dekati pelajar		
MediaTitle	Sinar Harian (Pahang)		
Date	16 Oct 2011	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	60,000
Page No	p7	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	672 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,696
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,088

menjadi wadah baru penyebaran berita, gosip, maklumat dan hebahan yang paling pantas berbanding akhbar tradisional.

Apakah blog yang cikgu wujudkan dan apa tujuannya?

ASMA' : Antara blog yang diwujudkan ialah blog Pendidikan Pencegahan Anti Dadah SMK Jengka Pusat 2, ppdasmkj2.blogspot.com, misalnya, dibangunkan bagi menyemarakkan lagi kesedaran berhubung Pendidikan Pencegahan Anti Dadah dan HIV/AIDS dalam kalangan pelajar khususnya dan pelayar Internet amnya.

Blog ini diselaraskan dengan aktiviti tahunan Unit HEM, SMK Jengka Pusat 2, di bawah Kelab Pendidikan Pencegahan Anti Dadah dan dibina selaras dengan cadangan Pegawai PPDA Daerah Maran, Mohamad Jasmi Jaafar.

Selain memuat naik aktiviti yang dijalankan di sekolah, artikel berkaitan Pencegahan Anti Dadah, Kes Juvana dan hal ehwal kesedaran dan stigma terhadap penyakit AIDS dan HIV, turut dimuat naik di sini.

Blog cikgukaunseling.com pula sebagai medium pendidikan kaunseling di peringkat sekolah menengah.

Contohnya, berita terkini tentang kemasukan ke IPTA, Matrikulasi, Biasiswa, Pinjaman Pelajaran, hala tuju selepas PMR, Tip Kemahiran Belajar, Motivasi belajar dan hal lain berkaitan alam persekolahan dan remaja. Sementara itu, penulis blog lebih meluaskan skop bagi Blog Jurnal Kehidupan, raudhatulukhuwah.com. Ia berkaitan kaunseling kerjaya kepada lepasan PMR dan SPM, tip dalam kehidupan, isu OKU, dunia pendidikan di sekolah dan IPT, pengurusan cinta, konsultasi keibubapaan, konsultasi suami isteri dan lain-lain lagi.

Apakah pencapaian yang membanggakan cikgu setakat ini?

ASMA' : Pada asalnya, blog yang diwujudkan untuk terus menabur bakti sebagai seorang guru namun tidak menyangka penyertaan ke Pertandingan National Educational

Blogging 2011

Kali Ke 3, Kategori Terbuka berjaya menjulung nama sekolah.

Saya adalah satu-satunya pemenang dari negeri ini malah berjaya menjuarai pertandingan peringkat kebangsaan ini di mana, pemenang menerima hadiah dan sijil penghargaan manakala johan pertandingan membawa pulang sebuah Ipad.

Pusat ICT berjaya menganjurkan beberapa siri Program Hari ICT iaitu program tahunan di UPSI malah bermula Hari ICT 2008, pertandingan educational blogging dijadikan acara tahunan pada Hari ICT UPSI bagi menggalakkan

perkembangan blog di negara ini.

Apakah harapan cikgu dengan wujudnya blog pendidikan ini?


ASMA' : Pertandingan seumpama ini dapat mencungkil bakat dan memberi lebih ruang kepada blog berbentuk akademik, formal dan mengandungi artikel pendidikan.

Blog yang saya wujudkan adalah berasaskan 'free hosting' seperti 'blogspot' mahupun blog berbayar seperti 'wordpress' 'selfhosting' dan kedua-dua blog dibangunkan bagi menyediakan dan mengumpulkan maklumat hanya di hujung jari.



Blog Pendidikan Pencegahan Anti Dadah SMK Jengka Pusat 2 dibangunkan bagi menyemarakkan kesedaran berkaitan cegah dadah.

Headline	Blog medium dekati pelajar		
MediaTitle	Sinar Harian (Pahang)		
Date	16 Oct 2011	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	60,000
Page No	p7	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	672 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,696
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,088



Asma' menunjukkan blog yang diwujudkan sebagai salah satu medium rujukan pelajar.